

# KEMBIRI HAIWAN TERBIAR

Dogathon 2015/16 platform tingkat kesedaran mengenai anjing liar

Yasmin Yusoff

rencana@hmetro.com.my

Sebanyak 1,000 anjing berjaya dihimpunkan melalui program Dogathon 2015/16 bagi mengumpulkan dana untuk Projek Pengkasian Haiwan Terbiar (PRO-KASIH) di Bukit Ekspo Universiti Putra Malaysia (UPM), baru-baru ini.

Dekan Fakulti Perubatan Veterinar UPM Prof Dr Mohd Hair Bejo berkata, program yang bermula sejak 1997 itu adalah platform untuk meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai anjing liar.

“Program ini secara tidak langsung meningkatkan tahap kesedaran masyarakat mengenai penjagaan haiwan peliharaan dan



FOTO MARINA ISMAIL

**SEORANG** anggota penyelamat menunjukkan demonstrasi pengesanan dengan bantuan anjing terlatih.

kebajikan haiwan jalanan.

“Dogathon dapat menyebarkan maklumat mengenai haiwan kesayangan kepada orang ramai dari pelbagai sudut seperti tanggungjawab sebagai

pemelihara, penjagaan kesihatan haiwan, kaedah pelaksanaan penjagaan kebajikan haiwan terbiar dan maklumat kerjaya sebagai ahli veterinar.

“Jika tidak melihat dengan teliti dari segi kebajikan dan kesihatan haiwan terbiar, ia boleh menimbulkan risiko kepada orang awam seperti penyakit anjing gila yang boleh merebak dengan mudah serta boleh berjangkit kepada manusia,” katanya.

Pengarah program, Bryan Andrew Lazarus berkata, program itu dapat memberikan pendedahan kepada pelajar Fakulti Veterinar UPM berkaitan persediaan sebelum memasuki lapangan pekerjaan dalam bidang perubatan veterinar.

“Program ini memberi

peluang pelajar untuk mengurus dan mengatur program berasaskan aktiviti kebajikan masyarakat, selain turut memperkenalkan perkhidmatan Hospital Veterinar UPM,” katanya.

Sementara itu, program Dogathon 2015/16 yang bertemakan Medieval Times Knight: Guardian of our Castle, Crown of our Hearts’ melantik Vlogger YouTube JinnyboyTV Jinny Boy sebagai Duta Dogathon 2015/16.

Antara baka anjing yang terbabit ialah German Shepherds, Poodle, Golden Retriever, Siberian Husly, Malamute, Rottweiler, Great Dane, Corgi, Pittbull, Chow Chow, Shih Zhu, Labrador, Boxer, Pomeranian, Afghan Hound, Terriers dan Schnauzer.